

KAJIAN PEMBIAKAN SEMULAJADI DAN PEMBIAKAN
ARUHAN IKAN SEPAT KUNING
(*Trichogaster trichopterus*)

MOHD ZAMRI BIN BASRI

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR
1996

KAJIAN PEMBIAKAN SEMULAJADI DAN PEMBIAKAN
ARUHAN IKAN SEPAT KUNING
(*Trichogaster trichopterus*)

OLEH

MOHD ZAMRI BIN BASRI

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada
keperluan untuk mendapatkan
ijazah Bacelor Sains
(Perikanan)

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1995 / 1996

1000333001

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha pemurah lagi maha mengasihani. Pertamanya lafaz syukur saya ucapkan kerana dengan izinnya laporan akhir ini dapat disiapkan. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Pen-yelia Projek ini iaitu Dr. Siti Shapor Binti Hj Siraj atas teguran, nasihat dan bantuan yang diberikan sehingga tercapainya matlamat projek ini.

Selain itu penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Nawi Bin Ibrahim, Encik Zakaria Bin Mohd Shah, Encik Saberi Bin Mohd atas sokongan, bantuan dan teguran beliau sepanjang penulis berusaha untuk memastikan projek ini berjaya. Tanpa sokongan dan bantuan mereka semua projek ini tidak mungkin terlaksana.

Tidak lupa juga penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Pusat Penetasan terutamanya Kepada Encik Azmi Bin Yaakob Encik Zaidi Bin Ismail Dan Puan Salmah yang bersusah payah membantu dan memberikan sokongan sehingga tercapainya matlamat projek ini.

Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

Satu kajian telah dijalankan mengenai pembiakan ikan sepat kuning (*Trichogaster trichopterus*) di mana ia melibatkan kaedah pembiakan semulajadi dan pembiakan aruhan. Perbandingan dibuat antara dua kaedah tersebut untuk menilai kaedah yang terbaik. Selain dari itu kajian juga dibuat untuk menguji kesesuaian pembiakan pada keadaan semulajadi.

Perbandingan yang dibuat antara dua kaedah tersebut didapati memberikan keputusan yang sama. Dalam kedua - dua kaedah berat induk yang digunakan tidak mempengaruhi jumlah pelepasan telur. Kedua - dua kaedah tidak menunjukkan perbezaan yang ketara seperti dari segi berat induk dengan pelepasan telur dan pelepasan telur dengan peratus penetasan.

Pemerhatian kesesuaian mutu air semasa berada di dalam tangki pemeliharaan dan perbandingan semasa di dalam akuarium pembiakan semulajadi juga dititik beratkan. Didapati pH air 6.4 hingga 6.85, suhu 27⁰ C dan kepekatan oksigen 5.0 mg/l hingga 7.5 mg/l merupakan parameter yang sesuai pada kedua - dua keadaan.

Kajian pembiakan yang dijalankan semasa induk dalam akuarium ialah pemerhatian terhadap pembentukan buih, pelepasan telur dan penetasan. Tempoh yang berbeza dapat dilihat antara kedua - dua kaedah dari segi masa yang diperlukan untuk pembentukan buih dan sebagainya.

Purata berat induk dalam pembiakan semulajadi ialah 10.55 gram dan 10.34 gram bagi pembiakan aruhan. Purata pelepasan telur ialah 419.3 dan 369 masing - masing manakala purata peratus menetas bagi pembiakan semulajadi ialah 73.65 % dan 73.36 % bagi pembiakan aruhan.

ABSTRACT

A study was conducted to assess the gold gouramy (*Trichogaster trichopterus*) spawning success through natural and induced spawning. Comparisons made between these two methods showed there was no differences in spawning activities. In both method, the males and females weight did not affect the number of eggs released and hatching rate.

Water qualities in the rearing and in spawning aquarium were in good physiological condition with pH range from 6.40 up to 6.85, temperature was at 27 ° C to 29 ° C and dissolved oxygen between 0.5 mg/l to 7.5 mg/l. The spawning behavior observed during the study was bubble courtship, egg deposition, formation and hatching rate.

Average weight of male and female used for natural spawning was 10.55 gram while 10.34 gram for induced spawning. For both methods, the average of spawning was 419.3 and 369.0, hatching percentage was 73.65 % and 73.36 % respectively.